

# KACAU GANGGU KEJIRANAN: ANALISA BERDASARKAN HADIS TERPILIH DAN PERUNDANGAN DI MALAYSIA

## *NUISANCE OF NEIGHBOURHOOD: ANALYSIS BASED ON SELESCTED HADITH AND LEGISLATION IN MALAYSIA*

Azriana binti Ridouan<sup>1</sup>  
Dr. Muhamad Fadlly bin Ismail<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UnIPSAS), Malaysia, (E-mail: azriana@unipsas.edu.my)

<sup>2</sup>Jabatan Quran dan Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UnIPSAS), Malaysia, (E-mail: fadlly@unipsas.edu.my)

### Article history

**Received date** : 15-3-2023

**Revised date** : 20-3-2023

**Accepted date** : 1-7-2023

**Published date** : 20-7-2023

### To cite this document:

Ridouan, A., & Ismail, M. F. (2023). Kacau Ganggu Kejiranan: Analisa Berdasarkan Hadis Terpilih Dan Perundangan Di Malaysia. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 8 (54), 234 - 247.

**Abstrak:** *Kehidupan bermasyarakat merupakan amalan yang dituntut oleh semua agama khususnya agama Islam seperti mana yang disebut di dalam al-Quran dan al-Sunnah. Ini kerana perbuatan memuliakan, berbuat baik dan tidak menyakiti perasaan jiran adalah lambang kesempurnaan iman tidak kira sama ada jiran tersebut seorang Muslim atau bukan. Namun begitu, sedar atau tidak, adakala tindakan salah yang kita atau jiran kita lakukan merupakan penyumbang kepada kesalahan kacau ganggu malah boleh diambil tindakan undang-undang dalam bentuk perundangan. Lebih malang, jika ia menjadi jiran yang tidak disenangi oleh jiran-jiran yang lain disebabkan tindakan atau kata-katanya. Kajian ini bertujuan mengkaji kacau ganggu kejiranan berdasarkan analisis hadis-hadis terpilih dan turut melihat status perundangan di Malaysia. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes. Data-data dikumpul melalui hadis-hadis terpilih, buku-buku, jurnal, kertas prosiding dan kes-kes Mahkamah. Data-data yang diperolehi akan dianalisis menggunakan kaedah analisis induktif. Hasil kajian mendapati dalil-dalil hadis yang menyebut tentang amalan berbuat baik sesama jiran mempunyai kaitan dengan sikap dan keimanan seseorang. Kajian ini diharapkan dapat mengenal pasti hak-hak jiran yang disebut di dalam hadis dan merupakan amalan yang perlu diterapkan dalam masyarakat hari ini. Kegagalan berbuat demikian merupakan kacau ganggu dalam konteks perundangan di Malaysia serta boleh diambil tindakan saman ganti rugi di Mahkamah.*

**Kata kunci:** *Kacau Ganggu, Kejiranan, Mahkamah, Perundangan.*

**Abstract:** *Community life is a practice demanded by all religions, especially Islam as mentioned in the Quran and Sunnah. This is because the act of honoring, doing good and not hurting the neighbour's feelings is a symbol of the perfection of faith regardless of whether the neighbour is a Muslim or not. However, sometimes we fail to realize that the wrongdoing done by us or our neighbour are contributing to nuisance offenses and can even be taken legal action in the form of legislation. Even more, unfortunately, if he becomes a neighbour who is not liked*

*by other neighbours due to his actions or words. The aims of this study are to examine the nuisance of neighborhood based on the analysis of selected hadiths and to identify the legal status in Malaysia. This study uses a qualitative approach with a case study design. The data is collected through selected hadiths, books, journals, proceedings papers and court cases. The data obtained will be analyzed using the inductive analysis method. The results of the study found that the evidence of the hadith that mentions the practice of doing good among our neighbour is related to a person's attitude and faith. This study is expected to identify the rights of neighbours mentioned in the hadith and is a practice that needs to be applied nowadays in society. Failure to do so is a nuisance in the legal context in Malaysia and can be sued for damages in the Court.*

**Keywords:** *Nuisance, Neighbourhood, Court, Legislations.*

---

## **Pendahuluan**

Sikap hormat menghormati sangat penting dalam menjamin keharmonian kejiwaan. Berbuat baik kepada jiran dan menjadi jiran yang baik adalah tuntutan agama. Ianya mempunyai kaitan dengan kualiti iman kita. Firman Allah SWT dalam surah an-Nisa: 36 yang bermaksud:

*“Dan hendaklah kamu beribadah kepada Allah dan janganlah kamu sekutukan Dia dengan sesuatu apa jua. Dan hendaklah kamu berbuat baik kepada kedua ibu bapa, kaum kerabat, anak-anak yatim, orang-orang miskin, jiran tetangga yang dekat dan jiran tetangga yang jauh, rakan sejawat, orang musafir yang terlantar dan juga hamba yang kamu miliki. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang sombong dan membangga-banggakan diri.”*

Para ulama menyatakan di dalam ayat ini, Allah SWT mengikat ayat tuntutan untuk berbuat baik kepada jiran dengan ayat tuntutan agar menyembah Allah SWT tanpa melakukan syirik kepada-Nya. Ini menunjukkan tuntutan agar berbuat baik kepada jiran merupakan satu tuntutan yang besar sepertimana tuntutan agar menyembah Allah SWT. Disamping itu, Rasulullah SAW turut menekankan menjaga hubungan sesama jiran.

## **Sorotan Literatur**

Kehidupan berjiran pada zaman nenek moyang kita dahulu, keseronokan dan kemesraan anatar jiran tetangga amat erat. Jika ada kenduri atau kematian, pasti berduyun-duyun orang kampung akan hadir. Pada hari ini, adab dan kemesraan dalam berjiran tidak sama seperti dahulu, malah kian pudar dan bertukar 100 peratus (Juliana, Sinar Harian, 2021).

Nabi Muhammad SAW sering berpesan melalui hadis-hadisnya yang menyeru agar berbuat baik kepada jiran tanpa mengira agama, bangsa dan warna kulit (Hamzah Omar, et al 2018). Pendekatan yang dibawa oleh Rasulullah SAW dalam menghidupkan nilai kejiwaan (Maisarah, et al, 2020) seperti menjaga pertuturan (Damayanti Wardyaninggrum, 2013; Abu Dzar, et al 2021) dapat menghindari daripada berlakunya pertelingkahan (Jalaluddin Rahmat, 1996; Abu Dzar, et al 2021). Berdasarkan hadis Rasulullah SAW dari Abu Daud yang bermaksud:

*“Tidak akan masuk syurga orang yang tetangganya tidak merasa aman dari kejahatannya”.*

(Hadis Riwayat Muslim)

Daripada Ibnu Zubair ra, dia telah berkata: “*Aku telah mendengar Rasulullah bersabda: Bukanlah seorang yang beriman (dengan sempurna), orang yang dia kekenyangan sedangkan jirannya kelaparan.*” (sahih)

Islam sangat menganjurkan berbuat baik serta menjaga hak kejiranan melalui al-Quran dan al-Sunnah (Hamzah Omar, et al 2018) dengan melihat pendekatan yang di ajar oleh Rasulullah SAW (Maisarah, et al, 2020). Walaubagaimana pun, tidak ramai yang mengetahui hak tuntutan ganti rugi dari sudut perundangan sivil di Malaysia (Muhammad Rizal Razman, et al 2011; Kashmirjit Kaur, 2019). Justeru itu, kajian ini akan melihat sejauh mana kaitan kacau ganggu kejiranan berdasarkan hadis-hadis terpilih serta kaitan dalam perundangan di Malaysia.

### **Metodologi Kajian**

Kajian ini adalah berbentuk kualitatif dengan menggunakan kaedah analisis induktif. Sumber-sumber hadis yang dinilai adalah sahih dan hasan berdasarkan kitab-kitab hadis Sahih al-Bukhari, Sahih Muslim, kitab hadis lain seperti al- Muwatta’ dan al-Adab al-Mufrad beserta kitab syarah hadis. Data-data dikumpul melalui buku-buku, jurnal, artikel, kertas prosiding dan kes-kes mahkamah. Penelitian terhadap peruntukan undang-undang seperti Akta Kerajaan Tempatan turut diberi perhatian. Kajian ini dijalankan bertujuan menganalisis sejauh mana kaitan kacau ganggu kejiranan berdasarkan hadis-hadis terpilih, jenis-jenis kacau ganggu dan elemen -elemen pembuktian bagi tuntutan ganti rugi kes kacau ganggu di Malaysia.

### **Permasalahan Kajian**

Sejak kebelakangan ini amalan hidup berjiran seperti saling bertegur sapa, saling bantu membantu antara satu sama lain serta saling bertukar makanan sudah semakin dilupakan dalam kalangan masyarakat. Perkara ini berlaku disebabkan masyarakat sekarang hanya mengambil tahu hal masing-masing tanpa mengambil berat dan peduli tentang hubungan sesama jiran tetangga (Nurul Idayu, Berita Harian, 2017; Hamzah et al, 2018,).

Satu kejadian yang berlaku di Klang pada bulan Ogos, 2022 merupakan satu contoh menunjukkan hilangnya sikap toleransi dan sabar dalam kejiranan. Seorang tukang besi menerima 15 jahitan pada dahi. Ia berlaku apabila seorang menegur jirannya yang menolak air sehingga memasuki rumahnya berakhir dengan pukulan menggunakan penyodok air. Dalam satu laman sosial TikTok, telah dipaparkan satu keadaan di flat rumah pangsa di kawasan Sungai Chua, Klang yang mana rumah di cat dengan tulisan “rumah suka bising”. Di Seri Kembangan, seorang kanak-kanak cedera parah dan melecur akibat jiran di tingkat atas rumah mencebur asid ke dalam lubang sink rumahnya lalu mengakibatkan letupan di rumah kanak-kanak tersebut.

Berdasarkan situasi ini, masyarakat sudah kurang amalkan sikap toleransi sesama kejiranan serta lebih suka pentingkan diri sendiri (Mohamad Azmi Adnan, Harian Metro, 2022). Ini kerana jaringan sosial yang sihat dan sikap ambil peduli terhadap jiran tidak menjadi pegangan dalam kehidupan bermasyarakat, di samping kurang pengetahuan ilmu perundangan.

### **Hasil Kajian dan Perbincangan**

#### **Konsep Kejiranan dalam Islam**

Islam mengajar kita bukan sahaja menjaga hubungan dengan Allah SWT tetapi juga memelihara hubungan sesama manusia agar kehidupan ini lebih sejahtera dan harmoni. Jiran adalah orang yang paling hampir dengan kita terutama apabila berlaku kecemasan. Ketika

mencapai usia lanjut, manusia kembali seperti keadaan mereka ketika bayi. Golongan yang uzur dan berusia memerlukan orang lain mengurus dirinya kerana pergerakan dan kudratnya terbatas. Makan, minum hatta untuk membuang air sekalipun memerlukan orang lain untuk menguruskannya (Mohd Shahrizal Nasir, Harian Metro, 2019). Disebabkan kelemahan inilah Allah SWT memerintahkan hamba-Nya menghargai orang lain. Kita diperintahkan berbuat baik kepada ibu bapa, saudara-mara, jiran tetangga, tetamu dan sahabat (al-Nisa': 36).

Seseorang yang mengambil berat tentang hubungannya dengan Allah SWT, sentiasa beribadah, rajin solat berjemaah di masjid, mengikut pengajian agama, mengamalkan berpuasa sunat, membaca al-Quran, mengamalkan zikir-zikir harian dan sebagainya belum terjamin kesempurnaan imannya sekiranya hubungannya dengan jiran diabaikan. Lebih malang, jika dia menjadi jiran yang tidak disenangi oleh jiran-jiran yang lain disebabkan tindakan atau kata-katanya.

Rasulullah SAW pernah bersabda yang bermaksud:

*"Daripada Abi Hamzah, Anas bin Malik RA khadam Rasulullah SAW, daripada Nabi Muhammad SAW sabdanya; Tidak sempurna keimanan seseorang kamu sehingga ia mencintai untuk saudaranya apa yang ia cintai untuk dirinya"*

Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim (Yahya bin Sharif Ad-Din An-Nawawi, 1987)

Begitu juga suasana di tempat kerja. Tidak mempedulikan rakan sekerja, tidak bertegur sapa dan tidak bermuamalah adalah termasuk dalam golongan orang yang tidak menjaga hubungan sesama manusia. Lantaran itu, dalam menjaga hubungan kedua-duanya Islam menggalakkan supaya individu dalam organisasi itu mempunyai sikap bantu-membantu.

Sikap peka dan mengambil tahu masalah jiran tetangga, kini dilihat semakin pudar dalam kalangan masyarakat negara ini (Maisarah, et al, 2020). Bekas Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, turut menggesa sikap prihatin itu kembali diamalkan supaya jiran yang sedang kesusahan dapat dibantu, seterusnya mewujudkan komuniti yang sejahtera (Samadi Ahmad, Berita Harian, 14 Oktober 2017). Disebabkan perlakuan tidak prihatin terhadap kejiranan, timbul perbuatan kacau ganggu tanpa kita sedari. Nabi Muhammad SAW sering mengingatkan umatnya dan menyeru agar berbuat baik kepada jiran tanpa mengira agama, bangsa dan warna kulit. Daripada Abi Syuraih RA, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيُحْسِنِ إِلَى جَارِهِ

Maksudnya:

*"Barangsiapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, maka hendaklah dia berbuat baik kepada jirannya."*

(Hadis Riwayat Muslim)

Baginda Nabi Muhammad SAW merupakan contoh yang terbaik untuk diikuti dalam konteks ini. Walaupun Baginda SAW dicerca dan dicemuh oleh masyarakat pada ketika itu, Baginda SAW tetap menjaga hubungannya dengan masyarakat. Baginda SAW yang bersifat dermawan, gemar menjamu tetamu, berinfak, menderma kepada orang yang lapar, membantu jiran terdekat dan menjenguk orang sakit tanpa mengira bangsa dan agama.

Sabda Nabi Muhammad SAW dalam sebuah hadis yang bermaksud:

*"Dan pergaulilah manusia dengan akhlak yang baik."*

(Hadis Riwayat Ahmad, Tirmidzi, Darimi)

Sebagai masyarakat yang prihatin dan mengambil berat tentang hak-hak jiran, seseorang mestilah menjauhi segala perbuatan yang tidak disenangi oleh tetangganya. Sangatlah rugi bagi golongan yang beriman kepada Allah SWT tetapi bersikap buruk terhadap jirannya. Hal ini sebagaimana riwayat Abu Hurairah RA, dia berkata, “Ada seseorang bertanya pada Rasulullah SAW yang bermaksud:

*‘Wahai Rasulullah, si fulanah sering melaksanakan solat di tengah malam dan berpuasa sunat di siang hari. Dia juga berbuat baik dan bersedekah, tetapi lidahnya sering mengganggu tetangganya. Rasulullah SAW menjawab: “Tidak ada kebaikan di dalam dirinya dan dia adalah penduduk neraka.” Seorang sahabat bertanya, “Ada wanita lain. Dia (hanya) melakukan solat fardhu dan bersedekah dengan gandum, tetapi ia tidak mengganggu tetangganya, bagaimana itu?” Rasulullah SAW menjawab, “Dia adalah dari penduduk syurga”.*

(Hadis Riwayat al-Bukhari).

Sifat Rasulullah SAW yang belas ihsan, mengasihi sesama insan dan bergurau senda dengan ahli keluarga dan sahabat telah digambarkan oleh Saidatina Aisyah RA: "Jika Rasulullah SAW berada di rumah, dialah orang yang paling murah senyum dan ketawa." Saidina Ali bin Abi Talib RA turut menceritakan bahawa Rasulullah SAW selalu kelihatan ceria, bersikap tenang dan santai, banyak tersenyum di hadapan para sahabat, semangat dan kagum dengan pembicaraan mereka, malah kadangkala tertawa sehingga terlihat gigi gerahamnya. Daripada Abdillah bin ‘Amr RA, bahawa Nabi SAW bersabda:

حَيْرُ الْأَصْحَابِ عِنْدَ اللَّهِ حَيْرُهُمْ لِصَاحِبِهِ، وَحَيْرُ الْجِيرَانِ عِنْدَ اللَّهِ حَيْرُهُمْ لِجَارِهِ

Maksudnya:

*“Sebaik-baik teman di sisi Allah adalah seseorang yang terbaik terhadap temannya. Manakala sebaik-baik jiran di sisi Allah adalah seorang yang paling baik dengan jirannya.”*

(Hadis Riwayat al-Tirmizi hadis Hasan Gharib)

Menurut Ibn Umar RA Rasulullah SAW bersabda:

مَا زَالَ جِبْرِيلُ يُوصِينِي بِالْجَارِ، حَتَّى ظَنَنْتُ أَنَّهُ سَيُورَثُهُ

Maksudnya:

*“Jibril sentiasa berwasiat kepadaku agar berlaku baik kepada jiran sehingga aku menyangka bahawa jiran itu akan mewarisi hartaku.”*

(Hadis Riwayat al-Bukhari)

Kehidupan bermasyarakat menghendaki kita saling menghormati orang di sekeliling kita. Kita mestilah mempunyai sikap prihatin tetapi janganlah sampai menceroboh hak privasi orang lain. Istilah jaga tepi kain orang lain tidak akan timbul jika ianya digunakan berlandaskan syariat Islam. Sama ada yang tinggal di atas, bawah, kiri, kanan, depan dan belakang yang mencapai 40 buah rumah (Ibnu Hajar Al-Asqalani, 2010, Imam Al-Ghazali, 2009, Hamzah et al,2018) merupakan jiran kita. Ini sesuai dengan hadis Rasulullah S.A.W dari Abu Daud yang bermaksud:

*“Empat puluh buah rumah tetap sebagai jiran tetangga.”*

Perintah agar berbuat baik terhadap jiran jelas dinyatakan dalam menentukan tahap keimanan seseorang. Sebagaimana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:



*Daripada Abi Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW telah bersabda “Barangsiapa beriman kepada Allah dan hari akhirat, maka hendaklah ia berkata akan yang baik, atau hendaklah ia diam saja, dan barangsiapa beriman kepada Allah dan hari akhirat, maka hendaklah ia menghormati jirannya, dan barangsiapa beriman kepada Allah dan hari akhirat, maka hendaklah ia memuliakan tetamunya”,*  
Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim (Yahya bin Sharif Al-Din Al-Nawawi, 1987,39).

Berdasarkan satu hadis Rasulullah SAW, ketika Baginda SAW diadukan dengan satu kes yang dibawa oleh lelaki Ansar daripada Madinah yang mendakwa Samurah bin Jundub. Plantif mendakwa ketidakselesaian atau kemudaratan yang wujud daripada seponon kurma kepunyaan pihak defendan yang condong melepasi tanahnya. Rasulullah SAW memutuskan bahawa pokok kurma itu harus di tebang.

Secara dasarnya, hadis yang dinyatakan ini mempunyai hubung kait dengan kaedah fiqh *al-Darar al-Ashadd Yuzal bi al-Darar al-Akhaff* yang bermaksud “kemudaratan yang berat dihilangkan dengan kemudaratan yang ringan”. Justeru itu, kaedah perundangan *sic utere tuo ut alienum non leades* turut menepati hadis dan kaedah fiqh yang diguna pakai dalam Islam (Abdul Basir, Rooshida, 2004).

### **Kemudaratan Terhadap Jiran**

Hidup berjiran mestilah ada toleransi. Mendatangkan kemudaratan kepada jiran sangat dilarang oleh Islam. Contohnya, membina kilang berdekatan kawasan penempatan, meletakkan sampah basah di luar rumah atau membuat bising melalui suara televisyen yang kuat. Di samping itu bunyi bising daripada bunyi motor berkuasa tinggi dan muzik yang kuat boleh menyebabkan masalah hilang pendengaran. Masalah ini digelar hilang pendengaran akibat kebisingan atau *noise-induced hearing loss- NIHL* (Raja Azaham, 2013). Semua tindakan ini mengganggu ketenteraman jiran. Kira-kira 4,000 aduan telah dibuat oleh penduduk Kuala Lumpur antara tahun 2012–2017 dengan aduan daripada jiran yang buat bising hingga aduan berkenaan isu sempadan (Statistik daripada Pesuruhjaya Bangunan Kuala Lumpur (COB)).

Islam tidak melarang seseorang menggunakan harta miliknya tetapi jika semasa menggunakan hartanya telah mengakibatkan kemudharatan yang teruk kepada jirannya, perlakuan tersebut hendaklah ditegah.

Ibn Qudamah R.A, ulama mazhab Hanbali berpendapat “*Seseorang itu ditegah ketika menggunakan harta miliknya apabila kerosakan atau kemudaratan boleh berlaku terhadap jirannya*”. Al-Bahuti juga bersetuju bahawa bunyi bising yang terhasil daripada pukulan dan ketukan di kedai dobi atau kilang harus dihentikan.

Peringatan di atas dinyatakan dalam hadis Rasulullah SAW yang bermaksud:

*“Daripada Abi Sa’id iaitu Saad bin Malik bin Sinan al-Khadri r.a, bahawa Rasulullah SAW bersabda: “jangan membawa mudarat dan jangan membalas mudarat”.*

(Hadis Hasan diriwayatkan oleh Ibnu Majah dan Ad-Daaru Qatni dan lain daripada kedua mereka dengan bersanad dan Malik meriwayatkannya dalam kitab Al-Muwatta’ dengan mursal daripada ‘Amru bin Yahya daripada ayahnya daripada nabi SAW kemudian digugurkan Sa’id. Hadis ini mempunyai beberapa jalan yang setengahnya menguatkan setengah yang lain).

Dalam hadis lain yang juga diriwayatkan Abu Hurairah RA disebutkan bahawa Nabi SAW bersabda yang bermaksud:

*“Tidak akan masuk syurga orang yang tetangganya itu tidak aman akan gangguannya”.*

(Hadis Riwayat Muslim)

Seterusnya Rasulullah SAW pernah bersabda yang bermaksud:

*“Daripada Abi Hurairah RA berkata: Rasulullah SAW bersabda, “janganlah kamu saling dengki mendengki, janganlah kamu saling tipu menipu, janganlah kamu saling benci membenci, janganlah kamu saling belakang membelakangi (berkelahi atau musuh memusuhi) dan janganlah setengah kamu menjual atas jualan setengah kamu, dan jadilah kamu sebagai hamba-hamba Allah yang bersaudara, seorang Islam itu saudara orang Islam yang lain, tidak boleh membohonginya dan tidak boleh menghينanya. Taqwa itu di sini, sambil ia menunjuk ke dadanya tiga kali, cukuplah kejahatan seseorang itu ia menghina saudaranya yang Islam, setiap orang Islam ke atas orang Islam itu adalah haram darahnya, hartanya dan kehormatannya”.*

(Hadis Riwayat Muslim)

Selain sikap bertoleransi, kehidupan berjiran memerlukan kita prihatin terhadap persekitaran di kediaman. Terutama kediaman berbentuk pangsapuri dan flat. Adakala anak-anak berlari dalam rumah, menebuk lubang pada dinding dan aktiviti harian boleh mengundang kemudaratan dan ketidakselesaan kepada jiran yang tinggal di tingkat bawah (Abdul Basir, Rooshida, 2004; Abdul Basir, 2005; Kashmirjit Kaur A/P Harbans Singh, 2019). Menurut pendapat Imam Abu Hanifah R.A, bangunan yang tingkat atas kepunyaan seseorang dan tingkat bangunan bawah pula dipunyai orang lain, maka penghuni tingkat bawah tidak berhak mengetuk paku atau pin, atau membuat tingkap baru tanpa keizinan penghuni tingkat atas.

Manakala Imam Abu Yusuf RA dan Muhammad bin al-Hasan al-Shaybani RA berpendapat, penghuni tingkat bawah boleh melakukan sebarang tindakan selama mana tidak mendatangkan kemudaratan kepada penghuni tingkat atas. Oleh itu, Islam mengajar dan mendidik kita beberapa perkara dalam menjalin hubungan kejiiran yang harmoni serta aman dan damai. Antaranya ialah (Ismail Kamus, Mohd Azrul, 2009):

- a. Amalkan memberi salam kepada jiran Muslim dan ucap selamat kepada jiran bukan Islam;
- b. Menziarahi jiran yang sakit/ kematian;
- c. Bersimpati dan membantu jiran yang dalam kesusahan;
- d. Menghindari daripada menyakiti hati jiran;
- e. Membantu jiran jika ia dizalimi;
- f. Memaafkan jiran jika berlaku kesalahan yang tidak disengajakan;
- g. Memenuhi undangan apabila dijemput (pastikan tiada acara maksiat).

### **Kacau Ganggu Kejiiran: Perundangan Di Malaysia**

#### **Definisi**

Kacau ganggu atau *Nuisance* berasal daripada perkataan Latin Kuno iaitu *nocentia* yang bermaksud bahaya. Walaubagaimana pun, kacau ganggu dalam undang-undang tort ialah *unlawful interference with a person's use or enjoyment of land or of some right over, or in connection with it* (J.Goudkamp, D.Nolan 20<sup>th</sup> ed; Talib.N 2010), *an inconvenience materially*

*interfering with the ordinary comfort physically of human existence...* (Osborn's Concise Law Dictionary, 1993). Kacau ganggu atau gangguan bermaksud apa-apa yang mengganggu atau sesuatu yang menyusahkan, perbuatan mengganggu (Kamus Dewan, 2004). Kaedah perundangan yang digunapakai ialah *sic utere tuo ut alienum non leades* yang bermaksud "so use your own property as not to injure your neighbor" (Osborn's Concise Law Dictionary, 1993; Mohamad, A.B., & Merican, A.R 2004).

Kacau ganggu boleh dibahagikan kepada dua (2) kategori (Talib.N 2010); Kacau ganggu Awam dan Kacau ganggu Persendirian. Permulaan pembahagian kacau ganggu adalah berdasarkan kepada kes *Attorney General v PYA Quarries* [1957] 2 QB 169. "It was argued that the trial judge had not distinguished between public and private nuisance and the quarrying was only a private nuisance for which the Attorney General was not permitted to seek an injunction. The Court said that a nuisance will be public if enough people are affected by it to constitute a class of the public. It is not necessary to show that every member of the class has been affected but that a representative cross-section have. A public nuisance is widespread and indiscriminate. The court held that the nuisance in this case was wide enough to be a public nuisance". (Talib. N 2010). Hakim dalam kes ini telah membezakan kacau ganggu awam dan kacau ganggu persendirian.

Justeru itu, kacau ganggu awam akan terbentuk jika gangguan yang berlaku melibatkan kepentingan, kesejahteraan dan keselamatan terhadap masyarakat. Sebagai contoh Akta Kerajaan Tempatan 1976 memperuntukkan:

*Seksyen 74. Rumah, dsb. kotor.*

*Mana-mana pemunya, penduduk atau penyewa mana-mana rumah, bangunan atau tanah, sama ada layak diduduki oleh tenan atau tidak, yang membiarkan rumah, bangunan atau tanah itu atau manamana bahagiannya berada dalam keadaan kotor dan tidak baik atau diliputi oleh tumbuh-tumbuhan rimbun dan mudarat melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau keduanya dan didenda tambahan tidak melebihi satu ratus ringgit bagi setiap satu hari selama tempoh kesalahan itu diteruskan selepas sabitan.*

*Seksyen 76. Memusnahkan tikus.*

*(1) Jika Pegawai Kesihatan berpendapat bahawa sesuatu premis adalah diharu oleh sebegitu banyak tikus, burung atau vermin lain hingga mendatangkan bahaya kepada kesihatan orang dalam rumah itu atau kesihatan masyarakat, dia boleh menyampaikan notis kepada pemunya atau penduduk premis itu meminta dia mengambil apa-apa langkah sebagaimana yang difikirkan perlu oleh pihak berkuasa tempatan itu untuk memusnahkan tikus, burung atau vermin lain itu dan untuk menghapuskan tempat pembiakannya dan untuk mencegahnya daripada berada semula.*

*(2) Mana-mana pemunya atau penduduk yang tidak mematuhi notis itu dalam tempoh tujuh hari dari penyampaiannya melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau keduanya dan didenda tambahan tidak melebihi satu ratus ringgit bagi setiap satu hari kerja itu tidak dijalankan selepas sabitan, dan pihak berkuasa tempatan itu boleh mengambil milik premis itu dan mengambil apa-apa langkah sebagaimana yang difikirkannya perlu untuk melaksanakan maksud seksyen ini.*



*Seksyen 78. Rumah yang diduduki dengan penuh sesak.*

*Seseorang yang membenarkan sesebuah rumah diduduki dengan sebegitu penuh sesak hingga mendatangkan bencana atau bahaya kepada kesihatan penduduknya melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya dan didenda tambahan tidak melebihi satu ratus ringgit bagi setiap satu hari selama tempoh kesalahan itu diteruskan selepas sabitan.*

Kebiasaannya, kacau ganggu awam merupakan suatu jenayah, tetapi jika plaintif dapat membuktikan bahawa dia telah mengalami kerosakan yang teruk melebihi orang lain, maka dia boleh menuntut ganti rugi (*Pacific Engineering Ltd v Haji Ahmad Rice Mill Ltd* (1966) 2 MLJ 142; Talib.N 2010).

Manakala kacau ganggu persendirian melibatkan kepentingan, keselesaan dan keselamatan individu dalam penggunaan hartanya. Kacau ganggu Persendirian (Osborn's Concise Law Dictionary, 1993, 233):

1. *Any wrongful disturbance or interference with a person's use or enjoyment of land or of an easement or other servitude appurtenant to land;*
2. *The act of wrongfully causing or allowing the escape of deleterious things into another person's land, e.g water, smoke, smell, fumes, gas, noise, heat, vibrations, electricity, disease-germs, animals and vegetation.*

Ini boleh dilihat di dalam kes *Majlis Perbandaran Pulau Pinang lwn Boey Siew Than* [1978] 2 MLJ 156 yang mana hakim menjelaskan kacau ganggu persendirian "*is one which disturbs the interest of some private individual in the use and enjoyment of his property by interference with the usual enjoyment of property by causing or permitting the escape of deleterious substances or things such as smoke, odours or noise.*"

*"The tort of private nuisance is an interference with the use and enjoyment of land. The act which constitutes nuisance may include sounds, smells and vibrations which unduly interfered with the plaintiff's enjoyment of his land."* (per Badariah Sahamid JCA dalam kes *Wah Shen Development Sdn Bhd V. Success Portfolio Sdn Bhd* [2019] 5 CLJ 537).

Melalui definisi dan kes di atas, kacau ganggu persendirian adalah berkaitan dengan gangguan terhadap kenikmatan dan keselesaan individu/jiran ke atas penggunaan premis atau tanahnya merangkumi hak penggunaan ke atas tanah tersebut (Rogers, 1989; Shah, A. H. H & et al, 2011). Berdasarkan kes *Donoghue v Stevenson* [1932] AC 562, Lord Atkin telah memberi definisi jiran melalui prinsip kejiranan;

*"The rule that you are to love your neighbour becomes in law you must not injure your neighbour, and the lawyer's question 'who is my neighbour' receives a restricted reply. You must take reasonable care to avoid acts or omissions which you can reasonably foresee would be likely to injure your neighbour. Who, then, in law is my neighbour? The answer seems to be persons who are closely and directly affected by my act that I ought reasonably to have them in my contemplation as being so affected when I am directing my mind to the acts or omission which are called in question."*

Tindakan seperti membuat bising sehingga jiran tidak boleh tidur, bau busuk daripada ternakan, asap motor atau kenderaan, debu, limpahan air memasuki rumah jiran dan sebagainya merupakan contoh kacau ganggu kejiranan yang berlaku dalam kehidupan bermasyarakat.

### **Elemen Pembuktian**

Dalam tuntutan saman ganti rugi bagi kes kacau ganggu persendirian, individu yang terkesan hendaklah membuktikan bahawa dia mempunyai kepentingan terhadap kepenggunaan tanah, tetapi tidak dalam kes kacau ganggu awam. Dua perkara yang perlu dibuktikan (Talib.N 2010) iaitu:

- a. Gangguan yang banyak (*substantial interference*); dan
- b. Gangguan tidak munasabah (*unreasonableness*)

### **Gangguan yang banyak**

Persoalannya bagaimana menentukan gangguan yang banyak? Adapun penentuan gangguan yang banyak mempunyai kaitan dengan elemen yang kedua iaitu ‘gangguan tidak munasabah (*unreasonableness*).

*“It is always a question of degree whether the interference with comfort or convenience is sufficiently serious to constitute a nuisance. The acts complained as constituting the nuisance, such as voice, smells or vibration, will usually be lawful acts which only become wrongful from the circumstances under which they are performed, such as time, place, extent or the manner of performance. In organized society everyone must put up with a certain amount of discomfort and annoyance caused by the neighbours ... No precise or universal formula is possible, but a useful test is what is reasonable according to ordinary usages of mankind living in a particular society”* (Clark & Lindsell, 2000).

Dalam kes *Goh Chat Ngee & 3 Ors* [1991] 2 CLJ 1163, hakim memutuskan bahawa *“a landowner had a common-law obligation not to interfere with support structure of his neighbour’s land, which is provided for under s.44 (1)(b) of NLC 1965. The Defendant had breached this statutory duty and was also liable in nuisance for the unreasonable and unlawful interference with the use and enjoyment of his neighbour’s land”*.

Selanjutnya kes *Woon Tan Kan & Ors v. Asian Rare Earth Sdn Bhd* [1992] 4 CLJ 2299; [1992] 3 CLJ (Rep) 786 HC, Hakim Mahkamah memerintahkan *qua timet injunction* ke atas defendan-defendan dan memutuskan wujudnya tort kacau ganggu persendirian. Dalam kes ini *“the plaintiff sued the defendants, principally for an injunction to restrain the defendant company (ARE) from operating and continuing to operate its factory on the grounds that the activities of the factory produced dangerous radioactive gases harmful to the residents of Bukit Merah.”*

### **Gangguan tidak munasabah**

Bagi menentukan gangguan tidak munasabah, terdapat lima faktor yang perlu diambil kira (Talib,N 2010).

#### ***Kerosakan (damage) dan Penempatan (locality)***

Gangguan yang berlaku hendaklah menyebabkan kerosakan kepada plaintif. Ini diputuskan dalam kes *The Directors, etc of the St Helen’s Smelting Company v. William Tipping* [1865] 11 HL Cas 642. Hakim yang membicara memutuskan bahawa *“the fumes from the copper-smelting works seriously damaged the trees and shrubs that grew on the claimant’s land”*. (B.A,Hepple., & M.H, Mattews 1991; Mohamad, A.B., & Merican, A.R 2004; Talib.N 2010)

Selanjutnya hakim yang berbicara turut mengeluarkan prinsip bahawa kerosakan yang berlaku mestilah “*material injury to property*”, oleh itu lokasi tidak relevan dalam menentukan gangguan tidak munasabah. Sebaliknya, jika hanya ketidakselesaian yang berlaku, lokasi aktiviti adalah relevan dalam menentukan gangguan tidak munasabah (*Halsey v Esso Petroleum* [1961] 1 WLR 683, *Bamford v Turnley* (1862) 122 ER 27).

Perlu diingat, sekiranya jiran kita mendapat kebenaran daripada Kerajaan Tempatan dalam ubahsuai bangunan, kacau ganggu boleh berlaku. Dalam kes *Wheeler v JJ Saunders* [1996] Ch 19. “*where the new building will change the character of the locality, the assessment of whether it constitutes a nuisance is to be made based on how the locality is after the development and not before*”.

### **Manfaat daripada aktiviti Defendan**

Sekiranya aktiviti yang dilakukan oleh defendan memberi manfaat kepada masyarakat secara amnya, kebarangkalian perbuatan tersebut bukan dianggap tidak munasabah. Merujuk kepada kes *Perbadanan Taman Bukit Jambul v Gov. of Malaysia* (2000) 1 AMR 228, hakim dalam kes ini menyatakan:

*“If the law were to treat every inconvenience as actionable nuisance, then nobody could build or renovate his house in a town or residential area. Question of nuisance must be considered with reference to local circumstances. Whether an act amounts to nuisance or not depends on the magnitude of the act or its effects, seen in the light of the circumstances of the relevant surroundings. People living close to a wholesale market will have to put up with the noises coming from the market in the wee hours of the morning. People living near an airport cannot complain that the sounds of the aeroplanes is a nuisance”.* (Per Abdul Hamid Mohamad J)

### **Sensitiviti yang tidak normal (Abnormal Sensitivity)**

Tort kacau ganggu tidak akan mengambil kira sensitiviti yang tidak normal di pihak plaintif. Sebagaimana diputuskan dalam kes *Robinson v Kilvert* [1889] 41 Ch D 88. (Mohamad, A.B., & Merican, A.R 2004; Talib.N 2010)

*“The court held that heat in itself is not a noxious thing and as it was not excessive there was no nuisance. Ordinary paper would not be affected by the heat and the Claimant cannot therefore complain that his sensitive paper is affected. As long as the Defendant is behaving reasonably, the Claimant cannot use the sensitivity of their trade as an excuse.”*

### **Malice (Niat jahat)**

*Malice* adalah faktor yang tidak relevan kecuali ia memberi kesan atau mempengaruhi “munasabah” dalam tindakan defendan (Mohamad, A.B., & Merican, A.R 2004). Merujuk kes *Christie v Davey* [1893] 1 Ch 316,

*“The court held that the noises made by Defendant were not of a legitimate kind and were excessive and unreasonable as they were done deliberately and maliciously to annoy the Claimant.*

### **Kesimpulan**

Islam mengajar umatnya agar menjaga hubungan persaudaraan dan sentiasa hidup bersatu padu bagi mengelakkan perselisihan atau perpecahan dalam kehidupan berkeluarga, berjiran dan bermasyarakat. Rasulullah SAW mengingatkan bahawa memiliki jiran yang baik merupakan salah satu antara tanda-tanda kebaikan dan kebahagiaan. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan

oleh Ibnu Hibban, daripada Saad bin Abi Waqqas, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: *Empat perkara daripada tanda kebahagiaan ialah perempuan yang solehah, tempat tinggal yang lapang dan jiran yang baik serta kenderaan yang selesa.* Berdasarkan kajian di atas, keimanan seseorang berkait rapat dengan kehidupan bermasyarakat. Perlu diingat, dari sudut perundangan juga sekiranya kita mengalami gangguan di kediaman, kita ada hak menuntut ganti rugi. Begitu juga jiran kita, mereka juga ada hak menuntut ganti rugi terhadap kita jika kita melakukan kacau ganggu terhadap jiran kita (Muhammad Rizal Razman, et al 2011). Elakkan melakukan sesuatu tindakan atau perkara yang boleh mengganggu keharmonian dalam kejiranan. Binalah kehidupan berjiran mengikut apa yang diajarkan oleh Islam.

## Rujukan

Akta Kerajaan Tempatan 1976

Abdul Basir Mohamad dan Rooshida Merican Abdul Rahim Merican. (2004). Kacau Ganggu Persendirian. dlm. Zaini Nasohah et.al (ed). *Syariah dan Undang-undang Suatu Perbandingan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

Abu Dzar bin Ahmad, Mohammad Haafiz Aminuddin bin Mohd Azmi, Siti Nora'aeshah binti Zakaria, Mohamed Ahmed Mohamed Abdelaal El Sharabany. (2021). *10 Panduan Etika Komuniti Menurut Kacamata Sunnah*. Kuantan: Penerbit KUIPSAS.

Al-Imam Al-Bukhari. (2021). *Al-Adab Al-Mufrad dan Terjemahan Himpunan Hadits Mengenai Adab*. Jilid 1&2. Kuala Lumpur: Galeri Ilmu Sdn. Bhd.

Allen Beever. (2013). *The Law of Private Nuisance*. UK: Hart Publishing Ltd.

Clark & Lindsell. 2000. *Clark & Lindsell on Torts* (18th edn.). London: Sweet & Maxwell.

Hamzah Bin Omar, Muhammad Faiz Mukmin Bin Abdul Mutallib, Mohd Hasbie Al-Shiddieque Bin Ahmad & Siti Rabiahnor Binti Mahruf. (2018). Konsep Dan Hak Jiran di Dalam Al-Quran Dan Al-Sunah: Satu Kajian. dibentangkan di *4th International Conference On Islamiyyat Studies 2018, Tenera Hotel. Bandar Baru Bangi. Selangor pada 18th- 19th September 2018*.

B.A. Hepple, & M.H. Matthews. (1991). *Tort Cases and Materials*. London: Butterworth & Co (Publishers) Ltd.

Imam Malik bin Anas. (2005). *Al- Muwatta'*. Jilid 1. Kaherah: Darul al-Hadis.

Ismail bin Kamus, Mohd Azrul Azlen bin Ab. Hamid. (2009). *Indahnya Hidup Bersyariat*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn Bhd.

James Goudkamp, Donal Nolan. (2020). *Winfield & Jolowicz on Tort*. (20<sup>th</sup> edition). UK: Sweet & Maxwell.

Lee Mei Pheng, Ivan Jeron Detta. 2009. The Law of Tort. dlm. *Business Law*. Ms 257-259) Selangor: Oxford University Press.

Yahya bin Sharif Ad-Din An-Nawawi. (1987). *Hadis Empat Puluh*. Terj. Muhammad Fauzi bin Hj. Awang. Kelantan: Pustaka Aman Press.

Maisarah binti Saidin, Siti Mardhiyah binti Kamal Azhar, Norwardatun binti Mohd Razali. (2020). Peranan Institusi Kejiranan Ketika Pendamik Covid-19 Menurut Perspektif Sunnah. *Journal of Ma'alim al-Quran wa al-Sunnah*. Vol 16, No 2.

Norchaya Talib. (2010). *Law of Tort in Malaysia*. 3<sup>rd</sup> ed). Selangor: Sweet Maxwell Asia.

Rogers, & William Vaughan Horton. (1989). *The Law of Tort*. London: Sweet & Maxwell.

Razman, M.R., Abdul Latib, N., Md Jani, J., Hadi, A.S., Shah, A.H.H., Arifin, K., Aiyub, K., Awang, A. Idrus, S., Mohamed, A.F., (2011). Law of tort on private nuisance in urban sustainability: Legal perspectives. *The Social Sciences*, 6(4), 318-322.

Zaleha Sa'don. (2008). *Undang-Undang Tort Dalam Industri Binaan Di Malaysia*. Kuala Lumpur: DBP.

### Laman sesawang

- Abd Razak Muthalib. (2019, Disember 06). *Tak sempurna iman jika sakiti perasaan jiran*. Sinar Harian. <https://www.sinarharian.com.my/article/60592/LIFESTYLE/Sinar-Islam/Tak-sempurna-iman-jika-sakiti-perasaan-jiran>.
- Etimologi perkataan nuisance*. <https://educalingo.com/ms/dic-en/nuisance>.
- Juliana Rosdi. (2021, Februari 22). *Sentiasa Berbuat Baik Dengan Jiran Tetangga*. Sinar Harian. <https://www.sinarharian.com.my/article/125074/suara-sinar/analisis-sinar/sentiasa-berbuat-baik-dengan-jiran-tetangga>.
- Kementerian Hal Ehwal Ugama Brunei Darussalam. (2021, Januari 22). *Memuliakan dan menghormati jiran*. <http://www.kheu.gov.bn/Lists/Khutbah/NewDisplayItem.aspx?ID=797>.
- Mohd Ajib Ismail. (2020, Oktober 29). *Teladan sepanjang zaman*. Harian Metro. <https://www.hmetro.com.my/addin/2020/10/635831/teladan-sepanjang-zaman>.
- Mohd Shahrizal Nasir. (2009, Februari 25). *Kasih sesama insan*. Harian Metro. <https://www.hmetro.com.my/addin/2019/02/426962/kasih-sesama-insan>.
- Mohd Yunus Yakkub. (2022, Ogos 1). *Gaduh pasal tolak air, tukang besi parah dipukul jiran*. Kosmo. <https://www.kosmo.com.my/2022/08/01/gaduh-pasal-tolak-air-tukang-besi-parah-dipukul-jiran/>.
- Mohd Yunus Yakkub. (2022, Ogos 5). *Berjiran Bukan Untuk Dapat 'Pulangan'*. <https://www.kosmo.com.my/2022/08/05/Berjiran-Bukan-Untuk-Dapat-Pulangan/>.
- Muhammad Mushfique Bin Ahmad Ayoup @ Ayub. (2019, Januari 28). *Irsyad al-hadith siri ke-340: jiran yang suka mencela dan mencaci*. <https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-al-hadith/3060-irsyad-al-hadith-siri-ke-340-jiran-yang-suka-mencela-dan-mencaci>.
- Nurul Idayu, M. N. (2017, Ogos 18). *Semangat Kejiranan Semakin Luntur*. *Utusan Online*. <http://ddms.usim.edu.my:80/jspui/handle/123456789/15220>.
- Nurul Hidayah Bahaudian. (2023, Februari 2). *Kanak-kanak melecur terkena asid dari paip sinki*. <https://www.hmetro.com.my/utama/2023/02/931769/kanak-kanak-melecur-terkena-asid-dari-paip-sinki>.
- Roshila Murni Rosli. (2020, Februari 16). *Mulakan dari kawasan kejiranan*. <https://www.sinarharian.com.my/article/70275/KHAS/>.
- Raja Intan Dianna Raja Azaham. (2013, Mac 10). *Hilang pendengaran sebelum tua*. Dlm Laman Web Rasmi Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kementerian Sumber Manusia, *Utusan Online*. <https://www.dosh.gov.my/index.php/ms/presentation-slides/731-2-garis-panduan-permohonan-5>.
- Samadi Ahmad. (2017, Oktober 14). *Sikap prihatin dalam kejiranan semakin pudar*. <https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2017/10/337264/sikap-prihatin-dalam-kejiranan-semakin-pudar>.
- Stehanie Choong. (2019, Ogos 17). *Bagaimana untuk menangani gangguan dari jiran anda*. <https://www.iproperty.com.my/bm/panduan-hartanah/cara-berhadapan-gangguan-dari-jiran-faq-ms-32886>



### Kes-Kes

*Attorney General V Pya Quarries* [1957] 2 QB 169

*Bamford V Turnley* (1862) 122 ER 27.

*Christie V Davey* [1893] 1 Ch 316

*Goh Chat Ngee & 3 Ors* [1991] 2 CLJ 1163

*Halsey V Esso Petroleum* [1961] 1 WLR 683.

*Majlis Perbandaran Pulau Pinang Lwn Boey Siew Than* [1978] 2 MLJ 156

*Pacific Engineering Ltd V Haji Ahmad Rice Mill Ltd* (1966) 2 MLJ 142.

*Perbadanan Pengurusan Taman Bukit Jambul V. Kerajaan Malaysia* [2000] 5 CLJ 98.

*Robinson V Kilvert* [1889] 41 Ch D 88

*Syarikat Perniagaan Selangor Sdn Bhd V Fahro Rozi Mohdi & Ors* [1981] 2 MLJ 16 (FC).

*The Directors, Etc Of The St Helen's Smelting Company V. William Tipping* [1865] 11 HL Cas 642.

*Wah Shen Development Sdn Bhd V. Success Portfolio Sdn Bhd* [2019] 5 CLJ 537.

*Wheeler V Jj Saunders* [1996] Ch 19

*Woon Tan Kan & Ors V. Asian Rare Earth Sdn Bhd* [1992] 4 CLJ 2299 [1992] 3 CLJ (Rep) 786 Hc